

# Ahli **PERMADA** sahut cabaran **Endau Rompin**





PESERTA memasang khemah untuk berehat.



PESERTA bergambar kenangan di Air Terjun Seri Mahkota.

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

**M**EMANCING jam 2 pagi, berkayak dua kilometer selama empat jam, berakit dan mandi manda di Air Terjun Seri Mahkota antara pengalaman tidak dapat dilupakan 40 ahli Persatuan Kebajikan Perkasa Pahang (PERMADA) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyertai program bina semangat pasukan di Taman Negeri Endau Rompin, Pahang; baru-baru ini.

Pelbagai aktiviti mencabar dan santai dilalui sepanjang program tiga hari dua malam itu mengeratkan hubungan peserta selain memupuk



semangat kerja berpasukan antara ahli persatuan berkenaan.

Pengarah program, Abu Na'im Bakri, berkata program itu wajar dijadikan acara tahunan bagi melatih mahasiswa berinteraksi dalam suasana organisasi dan berpasukan serta memberi nilai tambah kepada peserta berdasarkan pengalaman diperoleh sepanjang program.

"Dalam modul program kali ini saya menerapkan pendekatan yang mampu memberi kesedaran secara semula jadi kepada peserta supaya komited melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pelajar serta pemimpin persatuan.

"Antara lain, sesi pembentangan cadangan projek diadakan pada malam hari kedua bagi melatih peserta dalam bidang pengucapan awam dan menggalakkan peserta menahirkan idea berkaitan program yang boleh dilaksanakan PERMADA sebagai persatuan yang menjaga kebajikan pelajar kelahiran Pahang di UPM," katanya.

Abu Na'im berkata, Taman Negeri Endau Rompin dipilih sebagai lokasi program kerana keindahan biologi semula jadinya yang membolehkan pelbagai aktiviti luar dijalankan pada jad berpatutan.



PESERTA bergambar selepas selesai berkayak.



PESERTA berkayak sambil mengamati keindahan alam semula jadi.